

Pemimpin parti politik 'kunci mulut'

Mesyuarat tertutup, perjumpaan khas kuatkan desas-desus kemungkinan bentuk kerajaan baharu

Oleh Wartawan BH
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Mesyuarat tertutup dan perjumpaan khas oleh sekurang-kurangnya lima parti politik hampir serentak sejak pagi semalam di ibu negara, menguatkan desas-desus mengenai kemungkinan pembentukan kerajaan baharu.

Ia didahului dengan kehadiran Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad bagi memperkerusi mesyuarat Majlis Pimpinan Tertinggi (MPT) Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) di Menara Yayasan Selangor, Petaling Jaya yang berlangsung hampir enam jam.

Kurang satu kilometer dari situ, Timbalan Presiden PKR, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali pula mengadakan perjumpaan tertutup dengan kumpulan penyokongnya di Hotel Sheraton.

Ia berlangsung selepas dua hari Majlis Presiden Pakatan Harapan (PH) memutuskan tiada tempoh masa untuk Dr Mahathir melepaskan jawatan Perdana Menteri kepada Presiden PKR yang juga Ketua Umum PH, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Ahli Parlimen Gabungan Parti Sarawak (GPS) diketuai Ketua

Menteri, Datuk Patinggi Abang Johari Abang Openg mengadakan perjumpaan tertutup di Hotel Ritz Carlton, di ibu negara, petang semalam.

Beberapa pimpinan Parti Warisan Sabah (WARISAN) diketuai Presidennya, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal pula mengadakan mesyuarat di hotel sama. Abang Johari dan Mohd Shafie kemudian dilaporkan meninggalkan mesyuarat untuk ke Istana Negara.

Sementara itu, UMNO yang baru selesai mengadakan pemukiman barisan kepemimpinannya selama dua hari di Janda Baik, Pahang, turut mengadakan mesyuarat khas Majlis Kerja Tertinggi (MKT) parti itu, pada jam 4 petang semalam selepas memendekkan program berkenaan.

Ada spekulasi mengaitkan mesyuarat MPT BERSATU, mesyuarat khas MKT UMNO, perjumpaan GPS dan kehadiran pemimpin WARISAN ke ibu negara, mempunyai kaitan dengan kemungkinan lain, iaitu desas-desus pembentukan kerajaan baharu tanpa penyertaan wakil DAP, Parti Amanah Negara (AMANAH) serta kumpulan pemimpin yang menyokong Anwar. Namun, se-



Dr Mahathir keluar dari Ibu Pejabat Parti BERSATU selepas mesyuarat MPT BERSATU di Menara Yayasan Selangor, Petaling Jaya, semalam.
(Foto Aswadi Alias/BH)

jauh mana spekulasi dan desas-desus ini menjadi kenyataan masih tidak dapat disahkan sehingga berita ini ditulis.

Semua pemimpin parti politik terbabit 'mengunci mulut' mengenai agenda perjumpaan dan pertemuan serentak di ibu kota.

Terdahulu, Dr Mahathir beredar menaiki kenderaannya keluar dari lokasi mesyuarat partinya pada jam 2.50 petang, begitu juga Presiden BERSATU, Tan Sri Muhyiddin Yasin enggan memberi ulasan selepas keluar 15 minit kemudian.

Timbalan Presiden BERSATU, Datuk Seri Mukhriz Mahathir ketika diasak media pula hanya menjawab: "Ia mesyuarat dalam biasa parti."

Setiausaha Agung UMNO, Tan Sri Annuar Musa dalam reaksinya berkata, mesyuarat khas MKT UMNO membincangkan perkembangan politik semasa tanah air dan taklimat Presiden parti, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Pemerhati politik tidak menolak kemungkinan perjumpaan tertutup diketuai Mohamed Azmin bertujuan membincangkan kedudukan beliau dan kumpulan dalam PKR, sama ada kekal atau keluar daripada parti terbabit.

Perjumpaan kem Mohamed Azmin di Hotel Sheraton turut dihadiri Naib Presiden PKR, Zuraida Kamaruddin; Ahli Majlis Pimpinan Pusat (MPP), Datuk Saifuddin Abdullah yang juga Menteri Luar serta Ahli Parlimen Batu Pahat merangkap Timbalan Speaker Dewan Rakyat, Datuk Mohd Rashid Hasnon.

Yang menarik perhatian, kehadiran Ahli Parlimen Larut, Datuk Seri Hamzah Zainudin, bekas Ahli Majlis Tertinggi (MT) UMNO yang kini menyertai BERSATU.

Beliau difahamkan meninggalkan lokasi mesyuarat MPT BERSATU di Menara Yayasan Selangor untuk menghadiri perjumpaan dengan kumpulan Mohamed Azmin dan Zuraida.

Perjumpaan di Hotel Sheraton berterusan di sebelah malam dengan apa yang dipanggil sebagai 'Majlis Makan Malam Muafakat Ahli Parlimen'.

Antara pemimpin yang hadir ialah Ahmad Zahid; Muhyiddin, Presiden PAS, Datuk Seri Abdul Hadi Awang dan Mohamed Azmin.

Sumber memberitahu, kehadiran beramai-ramai ke Hotel Sheraton, malam tadi bagi menunjukkan kesepakatan sudah dicapai dan ia bukan lagi cagak kosong mana-mana pihak.

"Ia juga akan membabitkan perubahan di beberapa negeri iaitu Kedah dan Perak. Apapun, ia adalah sejarah negara dan simbol penyatuan di negara ini," dakwanya.

Satu sumber lain pula memberitahu, Dr Mahathir dikatakan sudah memperoleh sokongan 130 Ahli Parlimen daripada keseluruhan 222 kerusi.

"Jumlah ini dicapai melalui persetujuan kolektif membabitkan Ahli Parlimen daripada BERSATU, UMNO, serpihan PKR, PAS dan AMANAH," katanya.

Bagi agenda perjumpaan Ahli Parlimen GPS pula, difahamkan 'ada agenda penting' dibincangkan Ketua Menteri Sarawak, namun sumber yang rapat dengan Abang Johari mendakwa, ia hanya mesyuarat rutin menjelang persidangan Dewan Rakyat.

"GPS mempunyai 19 kerusi di Dewan Rakyat dan semua 19 Ahli Parlimen sudah menandatangani ajuan bersumpah (SD) menyokong Dr Mahathir," katanya.

GPS dianggotai Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) mempunyai 13 kerusi; Parti Rakyat Sarawak (PRS) tiga kerusi; Parti Demokratik Progresif (PDP) dua kerusi dan Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP) satu kerusi.

Komposisi parti yang membentuk kerajaan PH yang mentadbir negara sekarang ialah PKR mempunyai 50 kerusi, DAP (42), BERSATU (26) dan Amanah (11), serta merangkumi keanggotaan daripada WARISAN (9) dan UPKO (1).

Selepas Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) pada Mei 2019 lalu, PH turut membentuk kerajaan di Johor, Negeri Sembilan, Melaka, Selangor, Perak, Pulau Pinang dan Perak. Perlis dan Pahang, pula masing-masing kekal di bawah BN, Terengganu dan Kelantan di bawah PAS, manakala GPS menguasai Kerajaan Sarawak.

Terdahulu, lebih 20 kenderaan orang kenamaan (VIP) dilihat memasuki pekarangan Istana Negara pada jam 5.35 petang semalam.

Difahamkan beberapa pemimpin utama parti berada di istana dipercayai menghadap Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.

Namun, tidak dapat dipastikan sama ada satu daripada kenderaan itu dinaiki Dr Mahathir atau turut menghadap ialah pemimpin utama UMNO, PAS, GPS dan WARISAN.

Anwar dalam reaksinya malam tadi mendakwa, ada cubaan untuk menjatuhkan Kerajaan PH membabitkan pemimpin BERSATU dan segelintir Ahli Parlimen PKR.

Difahamkan, Anwar yang juga Ahli Parlimen Port Dickson akan menghadap Yang di-Pertuan Agong, hari ini.

